



KELUARAN 29/06

BULETIN KELAB

KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN
PUSAT ASASI UIAM
“KEBAJIKAN TERAS PERPADUAN”



JAN 2008

KANDUNGAN BULETIN

Makan Malam Tahun 2007	2
Senarai Penerima Sumbangan KKK	2
Hikmat Berdiam	3
Kisah 2 Malaikat	3
9 Kategori Manusia dan Sembahyangnya	4
9 Kategori Manusia dan Sembahyangnya (samb...)	5



**Selamat Tahun Baru
2008 & Salam Maal
Hijrah 1429** diucapkan

kepada semua ahli KKK Pusat Asasi UIAM. Semoga kedatangan tahun baru ini memberi seribu keceriaan dan kerahmatan dari Allah SWT.



**YAUMUL USRAH KKK vs
Students CFS Fiesta 2007**
telah diadakan pada 8hb
Disember 2007 bertempat
di padang bola Pusat Asasi

UIAM. Program yang julung-julung kali diadakan ini adalah kerjasama antara kelab pelajar PAUIAM dan KKK. Banyak acara-acara menarik yang telah disediakan di antaranya ialah senamrobik, congkak, pertandingan memasak, tarik tali dll. Pihak JKKK mengucapkan tahniah di atas penganjuran program ini dan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli kelab yang hadir meriahkan program tersebut.



Layari laman web kami di:

www.iiu.edu.my/



SIDANG REDAKSI

PENAUNG:
**EN. SYAMSUL AMRI
ABDUL RAHIM**

PENASIHAT:
**EN. MOHD AMIN HJ.
ISMAIL**

PENGARANG:
**SDRI ZAIREEN
ZALINASHILA UYUB**

AJK:
**AZRUL HAZLE ISHAK
ROSINAWANI
MUSTAFA
RUHAIDAH MUSA
NOR AZLINA**



Makan Malam Tahun 2007 (MMT200) anjuran KKK telah berlangsung pada 15hb Disember 2007 jam 8.30 malam bertempat di Dewan Al-Malik Faisal, Pusat Asasi UIAM. Program pada malam itu telah dirasmikan oleh Dekan Pusat Asasi UIAM, Prof. Dr. Mad put Tn. Haji Abbas Hassan pada malam tersebut.



Majlis yang berlangsung itu turut kumpulan The Plain Jawatankuasa bagi cabutan bertuah.



sung sehingga jam 11.30 dimeriahkan dengan selingan nyanyian nasyid dari yang terdiri daripada pelajar-pelajar PAUIAM. Pihak MMT2007 turut menyediakan hadiah-hadiah menarik



Pihak JKKK mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli jawatankuasa MMT2007 yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan majlis tersebut. Gambar-gambar menarik yang sempat dirakamkan pada malam itu boleh di lihat di laman web KKK di: www.iiu.edu.my/kkk.

SENARAI PENERIMA SUMBANGAN KKK SETAKAT JAN 2008

Sumbangan Bersara – RM 50.00

NO.	NAMA	JABATAN BARU
1.	En. Zulkifli b Ishak	Unit Keselamatan

Sumbangan Perkahwinan - RM 50.00

NO.	NAMA	JABATAN
1.	Mustamirah bt Md Hilal	ITU

Sumbangan Kecemerlangan – UPSR - RM 200.00

NO.	NAMA	JABATAN
1.	En. Isa En	Unit Keselamatan
2.	En.Rohaizan b Mohd Yusof	Unit Keselamatan
3.	En. Az-Zahar b Ahmad	Unit Keselamatan
4.	Puan Norhaliza Aini Zainal Abidin	Bahasa
5.	En.Mohd Azlan Mohd Afandi	Kewangan
6.	Puan Junaidah Yaakob	Mahallah Khadijah

Sumbangan Kecemerlangan – UPSRA RM 200.00

NO.	NAMA	JABATAN
1.	En. Rohaizan b Mohd Yusof	Unit Keselamatan

Sumbangan Kecemerlangan – PMR - RM 200.00

NO.	NAMA	JABATAN
1.	Puan Norhaliza Aini Zainal Abidin	Bahasa
2.	En. Mohd Rashid	Klinik
3.	En. Abu Bakar Dawi	Kewangan

Hikmat Berdiam Diri

Manusia berbicara setiap masa. Bicara yang baik akan membawa keselamatan dan kebaikan kpd manusia. Jika bicara tidak mengikut adabnya, manusia akan merana di dunia dan di akhirat. Di dunia akan dibenci oleh manusia lain manakala di akhirat bicara yang menyakiti hati org lain akan menyebabkan kita terseksa kekal abadi di dalam neraka Allah SWT.

Bagi mereka yg beriman, lidah yg dikurniakan oleh Allah itu tidak digunakan utk berbicara sesuka hati dan sia-sia. Sebaliknya digunakan utk mengeluarkan mutiara-mutiara yg berhikmah.

Oleh itu, DIAM adalah benteng bagi lidah manusia drp mengucapkan perkataan yang sia-sia.

HIKMAH DIAM

1. Sebagai ibadah tanpa bersusah payah.
2. Perhiasan tanpa berhias.
3. Kehebatan tanpa kerajaan.
4. Benteng tanpa pagar.
5. Kekayaan tanpa meminta maaf kpd orang.
6. Istirehat bagi kedua malaikat pencatat amal.
7. Menutupi segala aib.

Hadis2 Rasullullah mengenai kelebihan diam yg ber maksud:

- * "Barangsiapa yg banyak perkataannya, nescaya banyaklah silapnya. Barangsiapa yg banyak silapnya, nescaya banyaklah dosanya. Dan barangsiapa yg banyak dosanya, nescaya neraka lebih utama baginya". (RW ABU NAIM)
- * "Barangsiapa yg beriman kpd Alah dan Hari Akhirat, maka hendaklah ia berkata yg baik atau diam". (RW BUKHARI & MUSLIM)
- * "Barangsiapa diam maka ia terlepas dr bahaya".(RW AT-TARMIZI)

Madah Dari Hukama:

- * BANYAK DIAM TIDAK SEMESTINYA BODOH, BANYAK CAKAP TIDAK SEMESTINYA CERDIK, KRN KECERDIK ITU BUAH FIKIRAN, ORG CERDIK YG PENDIAM LEBIH BAIK DR ORG BODOH YG BANYAK CAKAP.
- * MENASIHATI ORANG YG BERSALAH , TIDAK SALAH. YANG SALAH MEMIKIRKAN KESALAHAN ORANG..
- * KALAU ORG MENGHINA KITA, BUKAN KITA TERHINA, YG SEBENARNYA ORG ITU MENGHINA DIRINYA SENDIRI.

Manusia tidak akan dapat mengalahkan syaitan kecuali dgn diam. Jalan yg terbaik ialah diam kalau kita tidak dapat bercakap kearah perkara2 yg baik. Bicara yg baik adalah lambang hati yang baik dan bersih yang bergantung kpd kekuatan iman pada diri manusia.

Kisah dua malaikat dan sayangnya Allah pada hambaNya..

RENUNGAN KITA BERSAMA

Assalamualaikum wr wb,

Rasulullah s.a.w. ada bersabda, katanya, "Setiap anak Adam akan dijaga oleh dua malaikat. Malaikat yang di sebelah kanan lebih berkuasa dari yang sebelah kiri. Sekiranya seseorang anak Adam melakukan dosa maka malaikat yang di sebelah kiri akan bertanya pada malaikat di sebelah kanan katanya, "Apakah yang harus aku catit?"

Kata malaikat di sebelah kanan, "Jangan kamu catit dahulu dosanya sehingga ia melakukan 5 kesalahan. Malaikat yang di kiri bertanya lagi,"Kalau ia telah melakukan 5 kesalahan, apa yang harus aku catitkan?"

Jawab malaikat kanan, "Biarkannya, sehingga ia membuat kebaikan kerana kami telah diberitahu oleh Allah s.w.t bahawa satu kebaikan akan mendapat 10 pahala. Oleh itu hapuskanlah 5 kesalahananya yang lalu sebagai tebusan dan kami masih simpangkan untuknya 5 pahala lagi."

Tercenganglah syaitan mendengarkannya lalu ber kata,"Kalau macam ini sampai bilakah aku dapat merosakkan anak Adam."

Demikianlah rahmat Allah pada hambanya, kasih sayangNya melimpah ruah tiada terbatas hanya hambanya saja yang lalai dan leka dengan keseronokkan serta kemewahan dunia.

Al-Quran:

"Say Your Prayers Before Prayers For You Are Said".



9 KATEGORI MANUSIA DAN SEMBAHYANGNYA

1. Golongan yang langsung tidak bersembahyang dan menolak perintah sembahyang.

Mereka ini namanya saja Islam, tetapi memang tidak mahu sembahyang. Malah tak tahu pun macam mana hendak sembahyang dan tak ambil peduli langsung tentang sembahyang. Mengikut Hadis, mereka ini dihukum sebagai kufur. Kalau dah kufur...confirmlah kekal selama-lamanya dalam Neraka...waliauzubi llah.

2. Golongan yang bersembahyang tanpa ilmu sembahyang.

Mereka ini sembahyang sebab terikut-ikut orang lain sembahyang. Tetapi yang sebenarnya, tak tamat ilmu sembahyang pun. Mereka ini tidak tahu yang mana satu rukun dan yang mana satu sunat. Ba-caan pun tak betul, yang panjang jadi pendek dan yang pendek jadi panjang. Sah batalnya tidak tahu, bab bersuci pun tidak beres lagi. Sembahyang begini tentulah tidak diterima ALLAH SWT. Macamlah orang yang bagi jawapan tak betul dalam exam, mana cikgu nak luluskan. Tak passlah jawabnya!

3. Golongan yang ada ilmu sembahyang tetapi tak kuat nak lawan nafsu.

Mereka ini lulus subjek Pengetahuan Agama Islam, kadang-kadang boleh score A1 lagi. Tapi bila Brazil masuk World Cup final, sembahyang pun qada'. Kadang- kadang terlepas waktu kerana sibuk sangat buat kerja nak cari duit. Kalau sembahyang pun, sembahyang exercise sahaja. Tonggang tonggek untuk lancarkan peredaran darah tapi fikiran mereka boleh round seluruh dunia. Mereka ini golongan yang fasik atau zalim. Untuk mudah nak faham, mereka ini golongan Islam yang jahat. Macam mana yang dikatakan jahat?

4. Golongan yang lalai dalam sembahyang

Mereka ini satu tangga lebih baik dari yang tadi. Mereka dah tak main qada' sembahyang. Kadang-kadang bila frust atau dalam keadaan stress, cukup rajin pula sembahyang jemaah dimasjid atau di surau. Orang sangka mereka ini orang baik-baik, tetapi sebenarnya belum lagi Kalau kita nak tahu, diwaktu sembahyang hati dan fikiran mereka selalu melayang teringatkan problem yang masih tak selesai.

Contohnya bergaduh dengan isteri, ceti dah datang, kunci hilang dll. Kadang-kadang sungguh hebatnya sampai teresak-esak menangis dalam sembahyang. Bukan tangiskan dosa dan takutkan Tuhan tapi sebab melayan perasaan sendiri. Dan ada dikalangan mereka yang lebih hebat lagi, bila bagi salam, kunci pun dapat! Memang tepatlah kalau mereka ini dikatakan golongan yang lalai. Mereka ini termasuk juga golongan yang biadap dengan Tuhan, macam orang yang berdepan dengan raja tapi buat hal sendiri. Raja tetap marah kerana tidak dihormati. Di Akhirat nanti, tempat mereka ialah di Neraka Wail, waliauzubillah.

5. Golongan yang sembahyang tarik tali.

Mereka ini lebih baik sikit dari yang di atas iaitu sentiasa tarik tali antara ingat bacaan sembahyang dengan tidak. Kadang-kadang ingat, kadang-kadang lalai. Macamlah orang yang ada penyakit amnesia (hilang ingatan). Kejap sedar, kejap tak sedar. Baru cakap separuh jalan, dah pengsan. Kalau raja rasa yang penyakit ini dah teruk, tentu raja suruh dia tinggal di hospital agar penyakitnya boleh di"rawat". Kalau masih terkawal, ada peluang juga tinggal di kalangan tetamu raja. Jadi, golongan ini walaupun bersembahyang tapi belum selamat. Sebab terpulanglah kepada Tuhan, macam mana Than nak beri 'markah'. Golongan ini bila sedar, hendaklah banyak meminta ampun kepada ALLAH, moga-moga ALLAH terima mana-mana bahagian sembahyang yang dia ingat, manakala yang lalai tidak dikira. Disamping itu, hendaklah mereka terus tingkatkan kualiti sembahyang mereka.

6. Golongan yang tidak memahami sepenuhnya maksud bacaan dalam sembahyang.

Mereka ini fikirannya tidak lagi melilau-lilau atau bertarik tali dalam sembahyangnya. Mereka dah boleh beri tumpuan pada bacaan-bacaan dan lafaz-lafaz yang diucap dalam sembahyang. Sembahyang mereka pun nampak cantik dan sempurna. Kalau baca Fatihah, kakalah lidah orang Arab, tetapi tak ubah macam duit palsu sahaja. Nampak macam yang original tapi tak ada nilai apa-apa. Mereka ini sebenarnya tak faham apa yang dibaca...dan tak nak pula belajar makna bacaan sembahyangnya. Nak khusyuk macam mana?... memanglah impossible! Inilah golongan awamul muslimin. Golongan ini juga belum selamat. Kalau di depan raja, mereka ini ibarat burung kakak tua yang tak faham apa yang diperkatakannya. Manusia yang berperangai burung kakak tua didepan



7. Golongan yang selamat.

Mereka bersembahyang dengan tepat sebagaimana dikehendaki ALLAH. Selain sembahyang secara zahir, fikiran dan hatinya dapatkan sepenuhnya kepada sembahyang. Faham apa yang diucapkan dalam sembahyang istana, mereka inilah yang layak jadi tetamu. Mereka berkelakuan sopan dan pandai menraja. Raja pun suka pada mereka. Raja tidak hati nak offer duduk lama-lama dalam istana. Golongan ini selamat di dunia dan di Akhirat dan dapat masuk Syurga. Mereka inilah yang dikatakan orang-orang soleh.

8. Golongan muqarrabin

Mereka bukan sahaja khusyuk dalam sembahyang, tetapi dapat juga rasa lazat dalam sembahyang, lebih lazat dari makan sate Kajang. Bila baca tentang azab ALLAH, kecut hati dan perut mereka. Bila baca tentang rahmat ALLAH, hati mereka cukup tenang dan gembira. Mereka benar-benar dapat menjawai sembahyang mereka. Darjat mereka ini lebih tinggi dari golongan 7. Kalau di istana raja, mereka ibarat pekerja-pekerja yang setia dengan raja.

Bukan saja mereka memuliakan raja, bahkan semua titah raja dilaksanakan dengan sungguh-sungguh dan rasa seronok. Tak bagi gaji pun tak apa, asalkan dapat berkhidmat kpd raja. Orang begini, memanglah boleh terus menerus duduk di dalam istana. Nak keluar masuk istana, tak payah soal siasat. Cukup tunjukkan punch card. Malah raja bagi pula kemudahan-kemudahan istimewa untuk mereka. Di Akhirat nanti, mereka bukan sahaja selamat, tetapi tidak banyak dihisab di Padang Mahsyar. Mereka ini bukan sahaja tidak melakukan perkara yang haram dan makruh, malah yang harus juga dijadikan ibadah.

9. Golongan siddiqin

Golongan ini golongan yang luar biasa. Mereka ini bukan kena paksa diri untuk sembahyang tetapi betul-betul seronok nak sembahyang. Bukan rasa lazat sahaja, tetapi sangat terhibur dan begitu asyik mahsyuk kpd ALLAH sewaktu sembahyang (macam orang yang sedang memadu cinta) Mereka ini terdiri dari kalangan para rasul dan anbia' ALLAH. Mereka ini ibarat menteri-menteri dan panglima raja. Mereka boleh rasa terhibur kalau terpaksa gadaikan nyawa sendiri untuk selamatkan raja. Mana raja tak sayangkan mereka!. Keluar masuk istana langsung tidak diperiksa. Malah banyak keistimewaan yang dianugerahkan raja kpd mereka. Nasib mereka di Akhirat tak payahlah nak dicerita. Merekalah yang menjadi wakil Tuhan untuk selamatkan manusia.

Begitulah 9 kategori golongan manusia dan sembahyangnya. ..dimana kita agaknya? Bila diperiksa sembahyang kita agaknya belum lulus lagi.

Ingatkan rasa lega dah tunaikan sembahyang, rasa dah cukup baik tetapi rupa-rupanya belum selamat lagi. Rupa-rupanya masih derhaka dan sangat biadap dengan Tuhan. Masya-ALLAH tak sedar yang kita derhaka dalam buat taat!.

Marilah kita berusaha sungguh-sungguh untuk meningkatkan sembahyang ke peringkat 7 atau 8 kalau kita sayangkan diri kita. (Peringkat 9 memang tak boleh untuk orang macam kita). Moga-moga kita selamat di dunia dan Akhirat. Amin ya Rabbal 'aalamin

